

09 JUNE 2000

Mahathir-Tolak

TUBUHKAN EAEC, RAKYAT ASIA PATUT TOLAK IDEA YANG PINCANG

Oleh: Mohd Ghazemy Mahmud

TOKYO, 9 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memperbaharui gesaannya terhadap penubuhan Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) dalam ucapannya yang lantang meminta Asia supaya menolak idea-idea pincang dan bersikap tegas supaya tidak dibuli.

Katanya Asia patut belajar daripada sejarah dan mengkaji semua idea baru dengan sedikit kecurigaan dan menerimanya hanya selepas diteliti dan dibahaskan, menguji idea-idea itu dan mengubahsuai atau menolaknya jika hasilnya tidak seperti yang dijanjikan.

"Jangan menerima sahaja tanpa banyak soal. Tolak idea-idea itu walau ada sedikit pun kepincangan," kata Perdana Menteri dalam ucapannya pada persidangan antarabangsa tahunan Nikkei Shimbun ke-6 mengenai "The Future Of Japan" (Masa Depan Jepun) di sini.

Beliau berkata: "Kita rakyat Asia patut memulakannya dengan Regim Kewangan Antarabangsa. Jika mereka tidak menerima cadangan kita atau pembaharuan, maka kita serahkan balik keseluruhannya kepada mereka.

"Memandangkan mereka telah berpakat menentang kita, kita patut sekurang-kurangnya membentuk forum kita sendiri, Perundingan Ekonomi Asia Pasifik, jadi kita mungkin sekurang-kurangnya dapat berbincang sesama sendiri dan memastikan apa keuntungan yang kita dapat dan bagaimana untuk melindungi diri kita," katanya.

Tetapi, katanya, Asia perlu bertegas dan bukannya semata-mata mengikut, dan bekerjasama dengan Eropah serta Amerika, mendesak supaya dihormati walaupun ia menghormati yang lain.

Asia sudah tua dan berpengalaman, katanya, dan telah menunjukkan bahawa ia boleh menguasai serba serbi yang modern.

Dengan syarat Asia sudah bersedia untuk melakukannya, Dr Mahathir berkata akan wujud semula negara-negara besar dalam Asia dengan dayacipta Asia, kemahiran pengurusan, pentadbiran yang menyediakan model-model untuk dunia.

"Kita tidak akan menguasainya tetapi kita pastinya tidak akan dibuli. Malah Asia boleh menjadi rakan kongsi yang sama taraf dengan perkumpulan lain di dunia, Kesatuan Eropah atau Nafta (perjanjian perdagangan bebas Amerika Utara). Ini merupakan senario yang boleh berlaku bagi Asia tetapi ia tidak akan menjadi realiti jika kita hanya menunggu ianya berlaku," katanya.

Dr Mahathir turut menjelaskan mengenai kawalan kadar tukaran Malaysia dan pengawalan aliran modal jangka pendek.

Perdana Menteri berkata rakyat Malaysia tidak terlalu memikirkan tentang kadar tukaran terapung kerana sejarah telah menunjukkan bagaimana kadar tukaran tetap regim Bretton Woods telah membolehkan dunia pulih daripada trauma Perang Dunia Kedua.

Sebaliknya, beliau berkata kadar tukaran terapung telah memamatkan dua dekad pertumbuhan dalam era pasca perang.

"Malaysia turut mendapat manfaat daripada kadar tukaran tetap dan seperti yang anda tahu kami terjejas teruk daripada manipulasi pedagang mata wang melalui regim kadar terapung."

Katanya Malaysia berminat terhadap hasil dan bukannya sistem kerana bagaimana baik sekalipun sesuatu sistem itu, tetapi jika mendatangkan hasil yang buruk ia akan dibuang begitu sahaja.

"Panggillah kami ini janggal jika anda suka. Kami rela dipanggil orang yang jahil, yang tidak faham dengan naluri sekawan," katanya.

"Kita harus belajar supaya tidak terlalu fanatik mengenai teori-teori

ekonomi seperti mana kita tidak patut fanatik mengenai interpretasi agama," katanya.

Beliau berkata: "Kita tidak boleh menunggu terlalu lama. Lihat sahaja apa yang berlaku kepada negara-negara Komunis. Mereka nampak akan akibat buruknya di peringkat awal, tetapi memandangkan teorinya baik, mereka menegakkan teori itu dan melupakan tentang akibatnya. Apabila sampai masanya mereka sedar, kerosakan sudah tidak boleh diperbaiki lagi."

Dr Mahathir turut meminta hadirin berwaspada terhadap kesan globalisasi dengan mengingatkan mereka tentang cerita lama "Banana Republics" (negara kecil yang bergantung kepada kemasukan modal asing) apabila syarikat-syarikat besar perladangan menjadi lebih kaya dan berpengaruh daripada negara yang mereka melabur sehinggakan mereka memiliki negara-negara berkenaan dan menentukan politik negara-negara itu.

Beliau berkata: "Apabila perbadanan-perbadanan besar, yang telahpun kaya dan lebih berpengaruh berbanding negara-negara membangun, bertindak mengambil alih ekonomi negara-negara ini, apakah mereka tidak akan turut mengawal pemerintahan politik negara-negara berkenaan?" tanya beliau.

Perkara ini, katanya, adalah penting bagi masa depan Asia kerana demografi Asia akan terjejas dan akan berlaku ketidakstabilan dengan terjejasnya pertumbuhan ekonomi.

Selepas berpecah dan diperintah oleh orang lain, katanya, hubungan di antara negara-negara Asia akan terjejas.

"Kita akan menjadi tumpangan dan tempat ujian bagi pelbagai perkara. Teori-teori baru akan diuji di Asia dan barang dilindungi Tuhan, senjata baru juga.

"Keadaan di Asia akan menjadi tegang kerana negara-negara yang lengkap dengan senjata, menjegil satu sama lain. Itulah yang akan jadi pada Asia di masa depan jika negara-negara Asia dengan niat yang baik bersetuju untuk membuka pintu dan membenarkan perbadanan-perbadanan besar ini mengambil alih segala-galanya," kata Perdana Menteri.

-- BERNAMA
GM AHH RON